

NUR Munirah bersama ibunya dari Kampung Kilang berlindung di pusat pemindahan.



AIR PASANG BESAR

KERANA TERPAKSA...

■ Wanita berpantang berlindung di Pusat Pemindahan Banjir Dewan Inderawati berikutan air naik sejak jam 2 petang

Noor Hidayah Tanzizi
am@hmetro.com.my

Manjung

“Biarpun memikirkan keadaan sukar apatah lagi masih berpantang namun memikirkan keselamatan, kami terpaksa berpindah,” kata mangsa banjir, Nur Munirah Othman, 26.

Nur Munirah yang baru melahirkan anak keduanya pada 23 Oktober lalu dan terpaksa berada di Pusat Pemindahan Banjir Dewan Inderawati, dekat Beruas di sini, kira-kira 11 jam berikutan banjir melanda beberapa kawasan di daerah itu semalam sejak jam 2 petang.

Bagaimanapun, kesemua mangsa banjir seramai 141 mangsa membabitkan 50 keluarga dibenarkan pulang selepas pusat pemindahan itu yang dibuka pada jam 9.15 malam kelmarin, ditutup sepenuhnya pada jam 9.20 pagi semalam, berikutan air mula surut sepenuhnya.

Tujuh kampung di mukim Beruas yang terjejas antaranya Kampung Kilang, Kampung Tualang, Kampung Gaduh, Kampung Paya Takung, Kampung Pulau Meranti, Kampung Paya Ara dan Kampung Pulau Kabung dilanda banjir berikutan fenomena air pasang besar disusuli hujan lebat sejak jam 2 petang, kelmarin sehingga menyebabkan air setinggi 0.4 meter memasuki kawasan perumahan penduduk.

Menceritakan kejadian berlaku, Nur Munirah berkata, dia sedang berehat bersama bayi lelakinya yang baru dilahirkan 24 hari dan berpantang di rumah ibunya, Saadah Lan, 54, di Kampung Kilang, di sini bersama seorang anak sulungnya berusia tiga tahun.

“Hujan lebat sejak jam 2 petang membuatkan saya risau, namun menganggap ia perkara biasa saja kerana ketika itu air masih tidak tinggi dan memasuki bahagian dalam rumah.

“Hanya selepas waktu Maghrib keadaan bertukar kelam-kabut apabila ibu membuka pintu dan melihat

air sudah mula memenuhi kawasan rumah memandangkan rumah kami terletak kira-kira 50 meter dari Sungai Beruas,” katanya ketika ditemui, semalam.

Katanya, dia bimbang memikirkan keselamatan diri yang masih berpantang dan bayi serta neneknya yang lumpuh akibat strok sejak lima tahun lalu namun bersyukur pasukan penyelamat tiba membantu memindahkan mereka sekeluarga ke pusat pemindahan.

“Ketika itu hanya saya, ibu, dan nenek selain bayi berada di rumah manakala suami bekerja dan ini pengalaman pertama saya berpantang dalam suasana banjir dan terpaksa berpindah ke pusat pemindahan,” katanya.

Seorang lagi penduduk yang hanya dikenali sebagai Madam Soh, 77, berkata, menyedari kampungnya kerap dilanda banjir dia mengambil inisiatif meninggikan beberapa bahagian ruang rumah terutama bilik tidur selain membuat lubang bagi pengaliran air keluar.

“Saya mengambil keputusan untuk tidak tinggalkan rumah biarpun sudah dinasihatkan anggota bomba dan pasukan penyelamat lain dan berterima kasih kepada mereka yang datang meninjau keadaannya di rumah,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Manjung, Nasarudin Abu Bakar berkata, seramai 141 mangsa membabitkan 50 keluarga dibenarkan pulang selepas pusat pemindahan itu ditutup pada 9.20 pagi berikutan air sudah mula surut sepenuhnya pagi semalam.

Katanya, semua mangsa sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing dan kerja pembersihan dijalankan bersama agensi terbabit seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan penduduk kampung.

“Bagaimanapun, pihaknya dalam langkah berjaga-jaga dan penduduk akan dipindahkan semula di dewan itu jika keadaan sama berulang kembali,” katanya.